

# Meneroka Aplikasi Digital Amalan Kerohanian bagi Pesakit Kanser Wanita

## [Exploring Digital Applications of Spiritual Practices for Female Cancer Patients]

**BITARA**

Volume 7, Issue 2, 2024: 185-202  
© The Author(s) 2024  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>  
Received: 30 March 2024  
Accepted: 15 April 2024  
Published: 10 May 2024

Mafuzah Zakaria<sup>1</sup> & Najah Nadiah Amran<sup>1</sup>

1 Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA  
E-mail: p137626@ukm.edu.my; najah@ukm.edu.my

\*Corresponding Author; email: najah@ukm.edu.my

### Abstrak

Kanser adalah sejenis penyakit yang berkaitan dengan ketidak seimbangan replikasi dan tindak balas sel dalam badan manusia mahupun haiwan. Penyakit ini boleh membawa kepada kematian. Umum mengetahui, ada pesakit kanser mengalami masalah tekanan emosi dan jiwa yang tidak terkawal dan menjadi penyebab penyakit kanser yang ditanggung mereka itu menjadi semakin teruk semasa proses rawatan dan pemulihan. Ini menyebabkan ada yang mendapatkan rawatan suplimentari secara kerohanian sebagai salah satu inisiatif. Perawatan dengan menggunakan kaedah kerohanian dianggap sebagai salah satu cara dalam membantu pesakit kanser menghadapi tekanan emosi semasa dan selepas menjalani rawatan. Kaedah pengubatan secara kerohanian ini juga penting kepada pesakit paliatif. Terdapat kepelbagaian sumber mengenai bahan-bahan kerohanian yang boleh diakses oleh pesakit kanser iaitu dalam bentuk bercetak seperti buku, poster dan majalah, secara individu iaitu orang perseorangan ataupun persatuan. Selain itu bahan rujukan kerohanian juga boleh didapati menerusi aplikasi-aplikasi digital yang dibangunkan di Malaysia mahupun dari luar negara. Sejauh manakah kandungan dan penggunaan aplikasi-aplikasi tersebut dapat memberi kesan yang baik kepada pesakit kanser ia masih belum diteroka secara menyeluruh. Kajian ini bertujuan untuk meneroka aplikasi-aplikasi berkaitan yang mempunyai kandungan keagamaan dan kerohanian. Kajian ini menggunakan pendekatan Kajian perpustakaan dan tinjauan sebagai kaedah mengumpulkan data. Kajian ini mendapati kandungan aplikasi yang sedia ada hanya mengandungi maklumat Islam secara umum tanpa mengkhususkan untuk panduan kerohanian pesakit kanser. Berasaskan tinjauan dan penemuan tentang vakum ini, kandungan kerohanian secara digital buat pesakit kanser adalah suatu keperluan. Oleh itu dicadangkan agar pihak pembangun-pembangun kandungan aplikasi dapat memberikan perhatian terhadap salah satu keperluan panduan kerohanian digital tersebut kepada mereka.

**Kata kunci:** amalan kerohanian, aplikasi digital, kanser, rawatan alternatif kanser

### Abstract

Cancer is a disease associated with the imbalance of replication and cell response in both human and animal bodies. The disease can lead to death. It is commonly known that some cancer patients experience uncontrollable emotional and mental distress which caused their cancer to be worsened during the treatment and recovery process. As a result, some of the patients seek spiritual supplementary treatment as one of the initiatives. Treatment using spiritual method is considered as one of the ways to help cancer patients to cope with emotional distress during and after treatment. This method of spiritual medicine is also important to palliative patients. There are varieties of printed sources on spiritual materials like books, posters and magazines which can be accessed individually or as an association by the cancer patients. In addition, spiritual reference materials are

also available through digital applications developed in Malaysia and abroad. The extent of the content and usage of these applications affect cancer patients beneficially is yet to be explored. The aim of this study is to explore related applications that have religious and spiritual content. This study uses the Library and survey studies approach as a method of collecting data. The study found that the content of the existing application only contains Islamic information in general without specializing in the spiritual guidance of cancer patients. Based on surveys and findings about this vacuum, digital spiritual content for cancer patients is a necessity. Therefore, it is suggested that the developers of the applications can pay attention on contents that can fulfil one of their needs in digital spiritual guidance.

**Keywords:** spiritual practices, digital applications, cancer, cancer alternative treatments

**Cite This Article:**

Mafuzah Zakaria & Najah Nadiah Amran. (2024). Meneroka Aplikasi Digital Amalan Kerohanian bagi Pesakit Kanser Wanita [Exploring Digital Applications of Spiritual Practices for Female Cancer Patients]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 7(2): 185-202.

## Pengenalan

Penyakit kanser dilaporkan sebagai penyebab kematian nombor dua di dunia dengan nisbah 1:6 kematian. Kebiasaannya semasa proses diagnosis dan rawatan, pesakit kanser mengalami tekanan emosi dan fizikal yang menjelaskan kehidupan harian (Lee, 2019). Kajian mutakhir mendapati amalan spiritual dan agama menjadi satu faktor penting bagi pesakit semasa mereka berdepan dengan penyakit berbahaya dan masalah kesihatan. Amalan-amalan kerohanian dijelaskan memberikan makna dalam kehidupan bagi pesakit termasuk pesakit kanser untuk meneroka tujuan dan hubungan antara makhluk dengan Tuhan. Bahkan agama memberikan paradigma baru untuk mereka mendapatkan harapan dalam kehidupan yang lebih positif semasa proses-proses rawatan dan penyembuhan (Lee 2019). Sungguhpun demikian, sumber yang membekalkan maklumat dan bahan-bahan kerohanian baik bercetak atau elektronik sukar diperolehi oleh pesakit dan ahli keluarga mereka untuk dijadikan sebagai rujukan dan bacaan. Tambahan lagi dengan perkembangan mutakhir, bahan-bahan bercetak semakin kurang diminati disebabkan oleh faktor fizikal, kos dan persembahan. Makalah ini bertujuan meneroka aplikasi digital berkaitan amalan-amalan kerohanian yang diperlukan oleh pesakit kanser. Bagi tujuan ini kajian perpustakaan dilakukan dengan mengumpulkan data-data dari makalah-makalah, buku dan statistik dari sumber yang dipercayai. Kajian tinjauan digunakan bagi mengenal pasti aplikasi-aplikasi sedia ada di laman sesawang yang boleh menjadi rujukan dan sumber maklumat kerohanian untuk pesakit kanser.


## Laporan Penyakit Kanser

Sejak sedekad yang lalu, terdapat peningkatan jumlah kajian yang menghubungkan antara kesan-kesan yang alami pesakit apabila mereka mengambil pendekatan agama dan kerohanian sebagai salah satu mekanisme berdepan dengan stres dan beban penyakit secara fizikal. Ini kerana didapati amalan kerohanian yang dilakukan oleh pesakit semasa proses rawatan dijalankan secara konvensional memberikan natijah yang lebih positif terhadap kualiti kehidupan pesakit kanser. Antara dapatan tersebut mendapati semakin tinggi tahap amalan

spiritualiti dan kesedaran agama seseorang pesakit, dia dapat menjalani kehidupan yang baik, mempunyai tahap tekanan (stres) dan rasa kebimbangan terhadap kematian yang rendah (Lee, 2019). Terdapat beberapa mekanisme dan pendekatan intervensi keagamaan telah digunakan oleh pesakit, perawat dan institusi perubatan dalam proses penyembuhan, rawatan pesakit kanser antaranya penyediaan ruang fizikal, penggunaan sumber manusia dari bidang agama seperti pendakwah, penghasilan bahan-bahan bacaan bercetak dan elektronik dan termasuk juga inisiatif program dan sistem sokongan keluarga dan sosial (Yan et al., 2020).

Kanser adalah punca utama kematian di seluruh dunia (Bray et al., 2021). Kanser adalah sejenis penyakit yang berkaitan dengan ketidak seimbangan replikasi dan tindak balas sel dalam badan. Biasanya, sel ini akan bertambah (replikasi) mengikut aturannya bagi membolehkan tumbesaran badan dan pemulihan selepas berlakunya kecederaan. Namun ada kalanya sel ini bertambah secara tidak normal menyebabkan berlakunya ketumbuhan tidak normal atau juga dikenali sebagai tumor. Tumor boleh dikategorikan sebagai bukan kanser (benign) ataupun kanser (malignant). Tumor bukan kanser tidak merebak ke bahagian tubuh badan atau organ yang lain. Kanser pula terdiri daripada sel-sel kanser yang sekiranya tidak dirawat boleh merebak ke bahagian tubuh badan yang lain dan menjadi penyebab kepada komplikasi sistemik. Komplikasi dan kehilangan fungsi multi organ akan menyebabkan kematian. Seterusnya ialah carta berkenaan jumlah kemasukan pesakit ke dalam Institut Kanser Negara dari tahun 2014 sehingga 2022. (Unit Pendidikan Kesihatan, 2024).

Jumlah Kemasukan Pesakit di Institut Kanser Negara, 2014 – 2022



Sumber data di atas adalah dari Jabatan Rekod Perubatan Institut Kanser Negara pada tahun 2022 yang menunjukkan terdapat peningkatan pesakit yang dirawat di Institut Kanser Negara bermula dari tahun 2014 sehingga 2019. Manakala terdapat penurunan dari tahun 2020 sehingga 2022.

Rawatan kanser bergantung kepada jenis kanser itu sendiri, bahagian anggota tubuh yang dihidapi, sejauh mana ia telah merebak dan faktor umur pesakit. Kebanyakan pesakit kanser dirawat secara moden seperti pembedahan, radioterapi atau kemoterapi. Pesakit memilih satu atau lebih cara yang mungkin digunakan dalam merawat penyakit kanser (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2024).

Rawatan kanser ini bukanlah semata-mata tertumpu kepada rawatan moden seperti yang diketahui umum. Malah terdapat rawatan lain yang perlu iaitu kaedah merawat secara kerohanian. Kerohanian menurut Islam merupakan aspek penting yang perlu difahami oleh semua pesakit kanser dan ianya sangat sesuai diaplikasikan kepada pesakit kanser wanita (Nora et al., 2017). Pesakit perlu mengetahui bahawa kepentingan amalan kerohanian dapat membantu di dalam penyembuhan dan pengawalan penyakit yang dihadapi. Keperluan psikoterapi kerohanian dan penggunaan ajaran agama pada wanita pesakit kanser dapat meningkatkan kualiti hidup seperti fizikal, mental, sosial dan persekitaran (Mufidah et al., 2023). Kerohanian yang dibincangkan dalam makalah ini mencakupi tentang kepercayaan atau fahaman, amalan dan penghayatan, personaliti atau sunnah Nabi Muhammad Saw, hati dan ijtimā'i (sokongan sosial).

## Amalan Kerohanian Pesakit Kanser

Seseorang boleh mendapat penyakit kanser tanpa mengira usia, latar belakang, bangsa dan agama. Kajian Jabatan Pesakit Kanser di Hospital Besar Kuala Lumpur menunjukkan statistik pesakit Melayu-Islam di Malaysia mencapai angka tertinggi menghidap kanser payudara berbanding bangsa Cina dan India (Hisham & Yip, 2004). Kanser seperti yang diketahui umum ialah satu penyakit yang membebankan dari aspek jasmani, emosi dan material. Kanser juga merupakan penyebab kematian yang utama di dunia kerana ia dianggap sebagai penyakit kronik yang menyebabkan kesengsaraan kepada berjuta-juta manusia di seluruh dunia. Lima jenis penyakit kanser yang utama yang dijangkuti dalam kalangan wanita adalah dari jenis kanser payudara, serviks, usus besar, rahim dan ovarи (Rushdan, 2008) (Ismail & A'dawiyah, 2019). Kanser payudara menjadi penyebab utama kepada kematian wanita Asia sejak mutakhir ini. Statistik penghidap kanser payudara dilaporkan meningkat di negara-negara membangun termasuk Malaysia mengatasi jenis kanser yang lain (Agarwal et al., 2022). Terdapat segelintir pesakit yang baru mendapat penyakit kanser pada peringkat permulaan, tetapi mereka tidak mempunyai harapan untuk sembah kerana tertutupnya minda tentang ilmu perubatan moden dan komplimentari yang cukup luas.

Kajian Guz et al. (2010) mendapati 20 peratus daripada jumlah pesakit kanser khususnya pesakit wanita cenderung kepada pendekatan kerohanian bersumberkan amalan-amalan keagamaan untuk mendapatkan ketenangan dan mengurangkan kadar stres. Berasaskan kajian di atas menunjukkan bahawa unsur kerohanian penting bagi segelintir pesakit kanser. Semasa melaksanakan proses kerohanian atau amalan tertentu seseorang manusia menyembah Allah SWT dalam keadaan bebas tanpa sebarang perantaraan atau wasilah dengan berpandukan kepada nas dan ajaran daripada Nabi Muhammad SAW. Semasa melakukan amalan tersebut, seseorang hamba sedang berhubung secara langsung dengan Allah dalam bentuk ketaatan dan meninggalkan segala larangan-Nya. (Guz et al., 2010)

Keiman dan kepercayaan kepada Allah SWT akan bertapak dan semakin kukuh di dalam jiwa individu dengan cara mendekati dan mengenali Allah SWT melalui kekuasaannya dalam sifat-sifat Allah SWT mahupun nama-nama Allah (Ferdaus et al., 2022). Keiman dan kerohanian menurut konteks perbincangan ilmuwan Islam ialah menghubungkannya dengan kerohanian yang bererti keagamaan itu sendiri (Hasimah et al., 2023). Menurut Al-Ghazali

(2000), keimanan merupakan suatu perkara penting dalam kehidupan manusia kerana keimanan boleh memberikan kesan positif kepada kesihatan jiwa.

Pesakit kanser wanita perlu menguatkan amalan yang menjurus kepada amalan yang diajar oleh Nabi Muhammad SAW. Tujuan amalan kerohanian dalam kalangan pesakit kanser wanita ialah dapat memantapkan keimanan dan juga mengawal emosi pesakit itu sendiri. (Ismail & A'dawiyah, 2019). Antara amalan kerohanian yang boleh dilakukan antaranya ialah solat fardu, solat-solat sunat, Qiamullail, puasa wajib pada bulan Ramadan puasa-puasa sunat serta bersedekah. Selain itu, kajian Ismail (2019) menyenaraikan lima lagi bentuk amalan kerohanian yang dilaksanakan oleh pesakit kanser wanita Muslim di Malaysia seperti bersedekah, beristighfar, membaca Al-Quran serta terjemahannya dan berzikir dengan mengingati kebesaran Allah SWT (Ismail & A'dawiyah, 2019). Amalan-amalan tersebut dijelaskan berupaya menyeimbangkan emosi, mengurangkan rasa sakit secara fizikal serta meningkatkan kesejahteraan hidup pesakit.

Hati yang baik mempunyai hubungan kerohanian yang erat dan mendalam dengan Allah swt. Usaha dalam menyucikan hati perlu dibuat berterusan sehingga ke hujung usia. Terdapat teknik atau cara untuk menyucikan hati, antaranya ialah dengan berzikir selari dengan sunnah Nabi Muhammad SAW. Zikir merupakan satu bentuk terapi kerohanian, terapi rileksasi iaitu satu jenis terapi yang memberi perhatian keupayaan kepada pesakit bagaimana kaedah untuk mendapatkan istirahat yang berkualiti serta menenangkan diri dengan penurunan tekanan psikologi (Prayitno, 2015). Zikir telah diketahui mampu memberi kesan kepada individu dan menolong perubahan individu ke arah kebaikan. Zikir juga mempunyai kesan kepada hati, emosi, minda dan tubuh badan. Individu yang dapat mengawal emosi akan dapat mengawal tingkah lakunya. Sebaliknya individu yang tidak dapat mengawal emosi akan mengeluarkan tindak balas yang buruk. Emosi yang baik diurus oleh aktiviti yang disusun seperti zikir. Zikir mampu membuat jiwa berasa selesa, dekat dengan Allah dan membentuk personaliti yang baik (Nubli & Wahab, 2015).

Kajian saintifik berkaitan kawalan stres pesakit mendapati pembacaan dan mendengar ayat-ayat suci Al-Quran yang dikategorikan sebagai amalan zikir dan kerohanian boleh mengurangkan tahap stres malah menyeimbangkan emosi pesakit daripada dibelenggu dengan rasa negatif (Bulut et al., 2021). Beberapa teknik intervensi telah disenaraikan oleh kajian saintifik yang dijelaskan mempunyai pengaruh dalam proses rawatan kerana ia boleh mengurangkan tahap stres, depresi tekanan dan kesukaran mengawal perasaan dan rasa cemas. Teknik yang dicadangkan seperti urutan (T Field et al., 2009), aromaterapi (Rini et al., 2020), bertenang (Rejeh et al., 2003), terapi muzik dan terapi Al-Quran (Baqer et al., 2021). Selain daripada mengalunkan bacaan zikir, membaca Al-Quran dijelaskan sebagai salah satu terapi bagi termasuklah untuk pesakit kanser. Bahkan dilaporkan perasaan cemas pesakit kanser yang dalam proses rawatan kimoterapi mengalami perkembangan yang lebih positif setelah mereka mendengar bacaan Al-Quran secara berulang (Mohammed Baqer et al., 2021). Al-Quran merupakan mukjizat yang telah diturunkan kepada manusia sebagai pedoman, penyembuhan dan penawar terhadap penyakit yang ada di dalam hati dan fizikal serta menjadi panduan bagi orang-orang yang beriman (Zahimie et al., 2014). Berdasarkan keterangan ayat di bawah, Al-Quran bukan sahaja penawar untuk penyakit dalaman malah juga penyakit luaran. Firman Allah:

### وَإِذَا مَرْضَتْ فَهُوَ يَشْفِينَ

Maksudnya, "Maka apabila aku sakit, maka Dialah yang menyembuhkan penyakitku" (Al-Shuara' : 80).

**اللَّهُ نَزَّلَ أَحْسَنَ الْحَدِيثَ كَيْلَمَ مُتَشَبِّهًا مَثَانِي تَقْسِيرٌ مِنْهُ جُلُودُ الَّذِينَ يَخْسُونَ رَبَّهُمْ ثُمَّ تَبَيَّنَ جُلُودُهُمْ وَقُلُوبُهُمْ إِلَى ذِكْرِ اللَّهِ ذَلِكَ هُدًى لِلَّهِ يُهْدِي بِهِ مَنْ يَشَاءُ وَمَنْ يُضْلِلِ اللَّهُ فَمَا لَهُ مِنْ هُدًى**

Maksudnya, "Allah telah menurunkan sebaik-baik perkataan iaitu kitab Al-Quran yang bersamaan isi kandungan antara satu dengan yang lain, yang berulang-ulang; kulit badan orang yang takut kepada Tuhan mereka akan menjadi seram; kemudian menjadi lembut kulit badan mereka dan hati mereka kepada mengingati Allah. Itulah petunjuk Allah, Dia memberi petunjuk dengan Al-Quran itu kepada sesiapa yang Dia kehendaki; dan sesiapa yang disesatkan Allah, maka tidak ada baginya seorang pemimpin pun". (Al-Zumar: 23).

**يَأَيُّهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَكُمْ مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّكُمْ وَشَفَاعَ لِمَا فِي الصُّدُورِ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِلْمُؤْمِنِينَ ۝ ۷**

Maksudnya, "Hai manusia, sesungguhnya telah datang kepadamu pelajaran dari Tuhanmu dan penyembuh bagi penyakit-penyakit (yang berada) dalam dada dan petunjuk serta rahmat bagi orang-orang yang beriman." (Yunus: 57).

Dalam hal ini, Allah SWT ada memberikan petunjuk isyarat kepada manusia menggunakan kaedah yang terbaik untuk merawat jiwa dengan diajarkan cara berzikir dan bertafakur. Dalam surah Ali-Imran ayat 190-191, Allah SWT menyebut golongan ulil albab, iaitu golongan yang menggunakan akalnya untuk melakukan zikir dan tafakur. Firman Allah SWT :

**إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَآخْتِلَافِ الْأَيْلِ وَالنَّهَارِ لَآيَاتٍ لِأُولَئِكَ الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيمًا وَقَعُودًا وَعَلَى جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بَطِلًا سُبْحَانَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ۙ ۱۹۰ ۱۹۱**

Maksudnya, "Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal; (Iaitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (ambil berkata): "Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka.

Terdapat kepelbagai sumber kerohanian yang dapat memberi kebaikan dalam membantu pesakit kanser mengharungi ujian penyakit yang sedang dilalui. Sumber-sumber yang diperlukan dalam mencari tip-tip dan cara amalan kerohanian boleh diperolehi daripada

buku, majalah, laman sesawang, orang perseorangan, persatuan dakwah, termasuklah melalui aplikasi digital. Aplikasi digital yang dibangunkan mempunyai perincian yang memberi ruang kepada pengguna dalam mendalami pengamalan mereka di dalam beragama.

## Aplikasi Digital Amalan Kerohanian

Penghantaran maklumat melalui digital mempunyai kelebihan yang cukup besar yang semakin menguasai sistem komunikasi dan reka bentuk. Melalui kaedah komunikasi komputer ke komputer, komunikasi penghantaran yang digunakan adalah secara digital (Barry et al., 2004). Digital adalah suatu teknologi yang mampu menyimpan, menghasilkan dan memproses berbagai data kita. Pengertian umum digital adalah suatu gambaran terkait keadaan bilangan yang di dalamnya terdiri dari angka 0 dan 1, atau *off* dan *on* yang merupakan bilangan binari atau yang dikenal dengan istilah *binary digit*. Pengertian lain dari digital adalah suatu teknologi elektronik yang mampu melakukan penyimpanan, menghasilkan, dan juga memproses berbagai data yang terdapat dalam dua keadaan iaitu positif dan negatif. Keadaan positif akan diwakili dengan angka 1 dan negatif akan diwakili dengan angka 0. Data yang akan disimpan atau dikirimkan dengan teknologi digital akan dinyatakan dengan *string* 0 dan 1. Setiap digit dari status ini akan disebut sebagai bit dan serangkaian bit tersebut akan ditangani oleh komputer secara mandiri sebagai kumpulan *byte*. (Alifian Adam, 2023)

Aplikasi digital adalah rekabentuk untuk membantu orang ramai menyelesaikan sesuatu tugas, sama ada membeli barang, menjalankan penyelidikan, memproses data pesakit atau menguruskan sistem. Ia sangat interatif dan memaparkan kandungan yang ditarik dari pangkalan data. Ia dapat berkomunikasi dengan sistem-sistem yang lain dan membolehkan lebih satu jenis aktiviti dijalankan serentak, seperti mencari dan menguruskan rekod pesakit. (Schlatter & Levinson, 2013). Aplikasi Digital Muslim merupakan aplikasi yang diciptakan untuk memberi manfaat dalam membantu muslim melakukan pelbagai aktivitinya, baik yang berkaitan dengan akidah, ibadah, akhlak, mahupun muamalat. Kehadiran aplikasi digital yang dikhususkan bagi orang Islam semestinya dapat membuat seorang penggunanya menjadi lebih menyedari akan keberadaannya dan fungsi agama Islam dalam rangka menjalankan kehidupan sehari-hari, dimana berbagai petunjuk dan bantuan mampu dicapai dari aplikasi digital muslim.(Ima, 2021).


Aplikasi digital yang diperolehi dan tersedia di alam maya boleh dibahagikan kepada 2 pembahagian iaitu aplikasi yang dicipta dengan modul-modul bersumberkan ajaran Islam dan yang bukan dari ajaran Islam. Antara senarai aplikasi digital di pasaran Malaysia dan antarabangsa adalah seperti berikut:

1. Smart Quran

Aplikasi ini mengandungi ayat-ayat Al-Quran yang merupakan aplikasi mudah alih Al-Quran pertama diluluskan oleh Lembaga Kawalan dan Pelesenan Percetakan Al-Quran, Kementerian Dalam Negeri Malaysia di bawah Akta Percetakan Teks Al-Quran 1986 (Akta 326). Kandungan aplikasi ini memuatkan kandungan ayat Al-Quran dan terjemahan dalam Bahasa Melayu dan Inggeris. Produk ini dibangunkan dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia

Malaysia (SKMM), Kementerian Dalam Negeri Malaysia (KDN) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Selain itu juga pengguna dapat mendengar bacaan Al-Quran kerana ia juga mengandungi rakaman audio bacaan empat pembaca Al-Quran yang tersohor iaitu Syeikh Abdullah Ibn Ali Basfar, Syeikh Ali al Huzaifi, Syeikh Ibrahim al Akhdar dan Syeikh Muhammad Ayyub Ibn Muhammad Yusuf. Pengguna boleh memilih ayat dan surah pilihan daripada senarai. Selain itu pengguna juga boleh membuat pencarian kosa kata Al-Quran. Bagi pesakit kanser, aplikasi ini berguna bagi mendengar rakaman audio bacaan Al-Quran, mendapatkan maklumat berkaitan terjemahan Al-Quran serta mencari doa-doa tertentu dari ayat-ayat Al-Quran.

Rajah 2 Aplikasi Smart Quran



## 2. Hadith Encyclopedia

Aplikasi ini memuatkan khazanah hadith daripada sembilan buah buku iaitu Sahih Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Abu Daud, dan lain-lain. Ia dilengkapkan dengan koleksi hadith berkaitan Al-Quran, Hadith Qudsi, dan Hadith Mutawatir. Aplikasi ini menjelaskan tentang status keaslian hadith yang memudahkan pengguna mempelajari hadith sebagai sumber kedua undang-undang Islam selepas Al-Quran. Berpandukan aplikasi ini, pesakit kanser dapat mencari hadith-hadith yang sahih secara umum sebagai panduan amalan harian.

### Rajah 3 Aplikasi Hadith Encyclopedia



### 3. The Noor

Aplikasi Digital ini memuatkan kandungan pengisian Islam seperti jadual waktu solat, informasi tentang solat, Al-Quran, Zakat, Takaful, Tabarru', Sedekah, E-Dagang, Bank Islam dan aplikasi untuk kanak-kanak. Ia berkonsep gaya hidup Muslim harian yang boleh dimuat turun menerusi sistem operasi Android, Apple dan iOS. Kandungan aplikasi tersebut diterjemahkan dalam lima pilihan bahasa iaitu bahasa Melayu, Inggeris, Tamil, Cina dan Indonesia. Ia juga mengandungi maklumat dan langkah dalam pencarian arah kiblat dan berfungsi menyenaraikan lokasi-lokasi masjid yang berdekatan dengan pengguna. Aplikasi ini dapat membantu pesakit kanser di dalam menghadapi ujian kesihatan mereka dengan membekalkan informasi mengenai Al-Quran, sedekah dan maklumat-maklumat Islam yang lain.

### Rajah 4 Aplikasi The Noor



### 4. Perisai Muslim

Aplikasi ini adalah terjemahan dari aplikasi Hisnul Muslim yang merupakan himpunan doa dan zikir daripada sumber Al-Quran dan Al-Sunnah yang disusun oleh Dr. Sa'id bin 'Ali bin Wahaf Al-Qahtani. Penyusun kandungan aplikasi merupakan pelajar kepada bekas Mufti Arab Saudi

iaitu Sheykh Abdul Aziz bin Abdullah bin Baz. Perisai Muslim diambil dari islamhouse.com yang telah dialih bahasa oleh Dr. Abdul Basit Abdul Rahman serta sahabat beliau pada tahun 2002. Aplikasi ini mengandungi 132 tajuk dan 267 doa-doa. Doa-doa yang terkandung di dalam aplikasi ini lengkap dan mempunyai status riwayat-riwayat yang sahih mengikut amalan kehidupan manusia seharian. Terdapat juga kandungan berkaitan wirid selepas solat yang diambil daripada hadith-hadith sahih. Pesakit kanser juga boleh menggunakan perisian aplikasi ini kerana ia sangat lengkap dalam pengamalan kerohanian seharian.


Rajah 5 Aplikasi Perisai Muslim



##### 5. Quran Hero

Quran Hero adalah aplikasi Islam yang membawa pengguna mengetahui Al-Quran dengan teknik pembelajaran bahasa. Aplikasi Quran Hero membantu pesakit kanser yang menggunakaninya dapat berhubung dengan Al-Quran dengan komitmen masa yang minimum. Cadangan peruntukan masa sekurang-kurangnya selama tujuh minit setiap hari, pengguna dapat mempelajari 80% bahasa Arab dalam Al-Quran kurang dari tempoh masa setahun. Selain itu ia dapat membantu pesakit kanser mengkhatamkan Al-Quran dalam tempoh empat bulan.

Rajah 6 Aplikasi Quran Hero



## 6. Athan

Aplikasi Athan yang digunakan oleh lebih daripada 27 juta orang Islam di seluruh dunia dapat membantu keperluan kehidupan orang Islam. Modul-modul yang terdapat di dalam aplikasi ini ialah waktu solat yang tepat, Al-Quran, doa, zikir, kalendar Islam, kalendar Ramadan, jadual waktu berbuka puasa, panduan Haji dan Umrah, pencarian kiblat, dan lain-lain. Aplikasi ini boleh menjadi ‘reminder’ membantu dan memberi peringatan kepada pengguna untuk melakukan amalan-amalan kebaikan dan kerohanian dalam kehidupan sehari-hari.

Rajah 7 Aplikasi Athan



## 7. Pillars

Aplikasi Pillars ialah aplikasi doa yang memfokuskan kepada individu serta memaparkan pengalaman pengguna beragama Islam yang lain. Aplikasi ini mudah digunakan dan direka dengan gaya minimalis yang menyegarkan. Sejak dilancarkan, ia telah menjadi [salah satu aplikasi doa yang popular](#) untuk umat Islam dengan jumlah 40,000 orang pengguna pada masa kini. Antara kandungannya ialah kaedah mengenalpasti arah kiblat, waktu solat tempatan dan kaedah pengiraan waktu solat.

Rajah 8 Aplikasi Pillars



## 8. Ushub

Aplikasi Ushub adalah perkhidmatan penstriman filem dan televisyen khas untuk umat Islam. Ia membolehkan pengguna melayari filem, rancangan, dan dokumentari yang berunsur keislaman. Disusun oleh pasukan perfileman Muslim yang mempunyai kemahiran yang tinggi

dan tersedia untuk dimuat turun di kebanyakan platform, termasuk iOS, Android, Roku dan FireTV. Terdapat ilmu-ilmu yang bakal diperolehi oleh pengguna terutama pesakit kanser dari sudut kerohanian daripada medium yang digunakan dari aplikasi ini.

### Rajah 9 Aplikasi Ushub



### 9. Islamic GPS

Aplikasi ini merupakan perisian *Augmented Reality* (AR) pertama yang membolehkan pengguna meninjau dunia sekeliling melalui lensa digital dan lensa campuran antara realiti sebenar dan informasi digital. Salah satu modul yang terdapat di dalam aplikasi ini ialah GPS Islam yang membolehkan umat Islam meneroka warisan Islam yang terkenal seperti Ka'bah dan Masjid Al-Aqsa. Pengguna terutamanya pesakit kanser akan berada seolah-olah di lokasi sendiri itu sendiri. Aplikasi ini dapat membekalkan informasi lokasi masjid-masjid terdekat dalam jarak 20km kepada pengguna khususnya kepada pesakit kanser yang ingin solat di masjid yang terdekat dan mendapatkan ilmu dalam mengukuhkan kerohanian mereka.

### Rajah 10 Aplikasi Islamic GPS




### 10. Collabdeen

Aplikasi CollabDeen membolehkan pengguna terutama kepada pesakit kanser mengatur sedekah, berkongsi pengetahuan dan maklumat, berkomunikasi dengan komuniti dengan menyediakan penyelesaian pengumpulan dana menggunakan sokongan *Apple Pay* dan *Google Pay* yang bersepadu. Selain itu, terdapat modul yang menyediakan utiliti seperti arah kiblat dan radio Al-Quran. Terdapat 462 pusat komuniti di seluruh dunia yang menyertai aplikasi

Collabdeen setakat ini, yang boleh membantu pesakit kanser untuk mencapai kehidupan yang baik dengan penggunaan digital dari mana sahaja mereka berada.

Rajah 11 Aplikasi Collabdeen



Selanjutnya ialah disenaraikan aplikasi-aplikasi yang bukan dari modul-modul Islam. Aplikasi-aplikasi digital bukan Islam ini menawarkan modul-modul yang berbentuk kerohanian iaitu menggunakan teknik meditasi yang dilihat daripada pakar-pakar bukan Islam yang dapat membantu pesakit terutamanya kepada pesakit kanser. Aplikasi-aplikasi itu adalah seperti di bawah:

#### 11. Headspace

Aplikasi ini diasaskan oleh seorang yang bukan beragama Islam iaitu seorang sami beragama Buddha. Jelas di sini, kandungan yang terdapat di dalam aplikasi ini tidak membawa penguna kepada Islam. Namun, terdapat kelainan dalam aplikasi ini yang berjaya menyelami dan mengajar kesedaran kehidupan kepada para penggunanya. Dilihat, ia mempunyai beratus-ratus modul meditasi berpandukan kepada pelbagai subjek termasuk fokus, tidur dan senaman yang secara langsung memberi cara kepada pesakit kanser untuk menjadi lebih sihat. Aplikasi ini mempunyai sesi mini meditasi selama 2 hingga 3 minit serta mempunyai sesi bantuan ketika pesakit mengalami tekanan, panik, dan kebimbangan. Menariknya, aplikasi ini memberi pemberitahuan penting tentang apa yang perlu dilakukan oleh pesakit sepanjang hari. Secara keseluruhan, aplikasi ini lebih mendekati pesakit melalui modul-modul berbentuk meditasi yang dapat membantu pesakit.

Rajah 12 Aplikasi Headspace



## 12. Insight Timer

Aplikasi Insight Timer menawarkan beribu-ribu meditasi yang dirangka untuk membantu para pengguna yang menggunakannya. Aplikasi ini dibangunkan dengan modul-modul dari pakar kesihatan, guru meditasi, ahli psikologi dan ahli neurosains. Dikatakan bahawa, aplikasi meditasi ini mendapat tempat terbaik berbanding dengan aplikasi-aplikasi meditasi yang lain. Di dalam aplikasi ini, para pengguna terutama kepada pesakit kanser boleh memilih guru yang digemari serta dapat menyemak imbas modul atau topik informasi dari modul kualiti tidur sehingga kepada amalan-amalan yang baik yang perlu diamalkan dalam seharian. Selain itu ia juga menawarkan beribu-ribu bunyi yang menenangkan untuk kegunaan penggunanya.

Rajah 13 Aplikasi Insight Timer



## 13. Calm

Aplikasi Calm juga menawarkan kepada para pengguna dengan modul-modul berkenaan dengan meditasi. Menurut mereka, meditasi dapat menenangkan kebimbangan, menetapkan fokus, memberikan tidur nyenyak serta dapat membantu memberi pengampunan. Terdapat juga modul meditasi yang menguruskan tekanan dan membantu memberi kesedaran di tempat kerja. Secara langsung, dapat dilihat di sini yang mana aplikasi ini seperti aplikasi-aplikasi meditasi yang lain lebih menjurus kepada tekanan emosi pesakit-pesakit kanser dengan memberi cara-cara yang tertentu mengikut kesesuaian terhadap masa dan keadaan.

Rajah 14 Aplikasi Calm



## 14. Aura

Aplikasi Aura turut menyediakan teknik meditasi kepada para penggunanya. Dilihat, aplikasi ini mempunyai kepakaran dari pakar dan profesional onkologi yang mana ia adalah cabang perubatan yang berurusan dengan pencegahan, diagnosis dan merawat kanser. Aplikasi ini dibangunkan oleh guru meditasi dan ahli terapi. Program meditasi yang ditawarkan akan disambungkan dengan satu mesin yang disesuaikan dengan sesi meditasi yang dilakukan oleh para penggunanya. Aplikasi ini dapat membolehkan pesakit-pesakit kanser mengesan corak perasaan mereka dari masa ke masa kerana seperti mana yang umum mengetahui, perasaan yang tertekan dapat menjadikan penyakit kanser lebih teruk. Selain itu, aplikasi ini juga dapat menghantar peringatan harian untuk setiap sesi.

Rajah 15 Aplikasi Aura



## 15. Buddhify

Aplikasi Buddhify yang dikatakan dapat membantu penggunanya untuk menjadi lebih tenang, jelas dalam hala tuju kehidupan, dapat membuat keputusan yang baik serta membawa kebaikan ke dalam semua aspek kehidupan mereka. Dapat dilihat, aplikasi ini juga menawarkan modul yang lebih kurang sama seperti aplikasi-aplikasi yang lain antaranya dengan membantu mencapai kualiti tidur, memilih makanan dan minuman yang sesuai dan menyatakan amalan-amalan yang baik yang perlu dilakukan oleh seseorang yang inginkan kebaikan dan sihat tubuh badan dan mindanya.

Rajah 16 Aplikasi Buddhify



Daripada jumlah keseluruhan aplikasi-aplikasi yang dikenalpasti iaitu 15 buah aplikasi, 10 daripadanya dibangunkan berdasarkan modul-modul dari sumber agama Islam. 2 daripada

10 aplikasi ini adalah dari Malaysia, dan 8 adalah dari luar negara. Walaupun ia bersifat kerohanian, namun apa yang dikenalpasti, kesemuanya tidak menjurus kepada keperluan pesakit kanser kerana ia bersifat umum.

5 buah aplikasi daripada jumlah keseluruhan yang dikenalpasti di atas mempunyai kaitan dengan pesakit termasuk kepada pesakit kanser dengan menawarkan modul-modul berbentuk kerohanian namun ia dibina berdasarkan kepada keperluan pesakit bukan Islam. Majoriti aplikasi-aplikasi digital ini adalah dari luar negara.

## **Keperluan Modul Aplikasi Digital Kerohanian untuk Pesakit Kanser**

Oleh itu, di dalam merangka aplikasi digital kerohanian pesakit kanser, terlebih dahulu pengkaji perlulah mencari amalan-amalan yang terkait dengan kerohanian yang benar dan sahih dari Al-Quran dan sunnah. Aplikasi digital ini sebenarnya dapat membantu pesakit kanser dari mula mengetahui tentang keadaan tahap penyakitnya sehingga selepas menerima rawatan. Antaranya ialah ilmu tentang penyakit kanser, cara mendapatkan rawatan, kaedah-kaedah rawatan, cara mengawal stress menerusi Al-Quran dan sunnah, cara pemakanan yang baik mengikut Al-Quran dan sunnah, cara bersenam mengikut tahap kesihatan, cara rawatan Tibbun Nabawi, zikir selepas solat, zikir harian pagi dan petang, doa-doa dari Al-Quran dan sunnah, membaca Al-Quran, cara membantu pesakit kanser untuk golongan sokongan, berhubung dengan pesakit kanser lain yang turut berada dalam sistem aplikasi ini, bantuan kerajaan kepada pesakit kanser, senarai NGO yang terkait dengan penyakit kanser yang dapat membantu, kata-kata motivasi, pengalaman pesakit-pesakit semasa dan yang telah sembuh.

## **Kesimpulan**

Perkembangan ilmu perubatan hari ini melalui satu proses perawatan yang profesional, moden dan canggih. Ia tersedia samada menerusi perkhidmatan kerajaan mahupun swasta. Namun terdapat juga mekanisme lain iaitu kaedah kerohanian yang dapat membantu pesakit kanser dalam proses perawatan mereka yang telah terbukti. Terdapat pelbagai mekanisme dan kandungan kerohanian iaitu dalam bentuk bahan-bahan dan juga dalam aplikasi digital. Kajian ini mendapat terdapat aplikasi Islam yang memuatkan modul-modul seperti zikir, doa bacaan Al-Quran dan amalan kerohanian yang lain namun ia tidak bersifat spesifik dan menjurus sasaran penggunaannya kepada pesakit kanser. Tidak terdapat satu aplikasi khusus ditemui yang menjurus kepada mana-mana penyakit termasuk penyakit kanser. Oleh itu, dicadangkan agar satu aplikasi yang khusus yang mengandungi kandungan atau modul kerohanian yang dapat dimanfaatkan oleh para pesakit khususnya pesakit kanser dapat dihasilkan.

## Rujukan

- Abdullah N. Hisham, & Cheng-Har Yip. (2004). Overview of Breast Cancer in Malaysian Women: A Problem with Late Diagnosis. *Asian Journal of Surgery*, 2 (27): 1–4. [https://doi.org/10.1016/S1015-9584\(09\)60326-2](https://doi.org/10.1016/S1015-9584(09)60326-2)
- Alifian Adam (2023, Disember 23). *Digital Adalah: Pengertian, Sejarah, dan Manfaatnya*. Accurate. <https://accurate.id/teknologi/digital-adalah>
- Agarwal, K., Kelly, L.L., Heintzman, J.C. & Fortune, L.D. Fortune. (2022). Lived Spiritual Experiences of Cancer Survivors with Long-term Meditation Practices: An Interpretative Phenomenological Analysis. *Pastoral Psychology*, 71: 485–501. <https://doi.org/10.1007/s11089-022-01014-2>
- Barry, J.R., Lee, E.A. & Messerschmitt, D.G. (2004). Digital Communication (3rd ed., Vol. 1). Springer: Kluwer Academic Publisher.
- Bray, F., Laversanne, M., Weiderpass, E., & Soerjomataram, I. (2021). The ever-increasing importance of cancer as a leading cause of premature death worldwide. *Cancer*, 127(16): 3029–3030. <https://doi.org/10.1002/cncr.33587>
- Bulut, S., Hajiyousouf, I. I., & Nazir, T. (2021). Depression from a Different Perspective. *Open Journal of Depression*, 10(04): 168–180. <https://doi.org/10.4236/ojd.2021.104011>
- Field, T., Diego, M. A., Hernandez-Reif, M., Schanberg, S., & Kuhn, C. (2004). Massage therapy effects on depressed pregnant women. *Journal of psychosomatic obstetrics and gynaecology*, 25 (2): 115–122. <https://doi.org/10.1080/01674820412331282231>
- Guz, H., Gursel, B. & Ozbek, N. (2012). Religious and Spiritual Practices Among Patients with Cancer. *J Relig Health* 51, 763–773. <https://doi.org/10.1007/s10943-010-9377-0>
- Hasimah Chik, Che Zarrina Sa’ari, Sharifah Basirah Syed Muhsin, Sheriza Izwa Zainuddin, & Loh Ee Chin. (2023). Dimensi Spiritual dalam Kalangan Pesakit Terminal. *Akademika*, 93(1): 77-89.
- Hatiz Guz, Bilge Gursel, & Nilgun Ozbek. (2010). Religious and Spiritual Practices Among Patients with Cancer. *Journal of Religion and Health*, 5: 763–773. <https://doi.org/10.1007/s10943-010-9377-0>
- Ima Dwitawati. (2021). Eksplorasi Tentang Aplikasi Digital Untuk Muslim. *JINTECH: Journal of Information Technology*, 2 (2): 114–124.
- Ismail, A’dawiyah. (2019). Spiritual Practices of Female Cancer Patients Towards Well-being in Lives. *Islāmiyyāt: International Journal of Islamic Studies*, 41(2): 93-97. <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2019-4001-10>
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2024). Apa itu kanser. *MYHEALTH*.
- Lee, Y. H. (2019). Spiritual Care for Cancer Patients. In *Asia-Pacific Journal of Oncology Nursing*, 6,(2): 101–103. [https://doi.org/10.4103/apjon.apjon\\_65\\_18](https://doi.org/10.4103/apjon.apjon_65_18)
- Mohammed Baqer Abbas Al-Jubouri, Safad Riyadh Isam, Shaymaa Mohammed Hussein, & Felipe Machuca-Contreras. (2021). Recitation of quran and music to reduce chemotherapy- induced anxiety among adult patients with cancer: A clinical trial. In *Nursing Open*. 8(4): 1606-1614. <https://doi.org/10.1002/nop2.781>

- Mohd Ferdaus, F. ., Ishak , H. ., & Mohd Akib, M. M. . (2022). Pengukuhan Psikospiritual: Kajian Terhadap Kepentingan Ibadah Doa : Psychospiritual Reinforcement: A Study of The Importance of Prayer. ‘Abqari Journal, 27(1): 95–114. <https://doi.org/10.33102/abqari.vol27no1.523>
- Mohd Rushdan Mohd Noor. (2008). *Kanser Wanita dan Pencegahan* (Perpustakaan Negara Malaysia, Ed.). Malaysia: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Mohd Zahimie Mohd Dzahid & Hakim Zainal. 2014. Pengaruh Kelancaran Membaca Al-Quran Terhadap Kelancaran Membaca Teks Arab: Kajian Kes di KUIM, Prosiding Seminar Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2014, Fakulti Pengajian Islam, UKM & Fakulti Kontemporari Islam, UniSZA. pp. 1-5
- Mufidah, N., Anggorowati, A., & Ismail, S. (2023). Perawatan Spiritual pada Pasien Kanker Payudara. *Jurnal Keperawatan Silampari*, 6 (2): 2024–2038. <https://doi.org/10.31539/jks.v6i2.5150>
- Nahid Rejeh, Majideh Heravi-Karimooi, Mojtaba Vaismoradi, & Melanie Jasper. (2003). Effect of systematic relaxation techniques on anxiety and pain in older patients undergoing abdominal surgery. *International Journal of Nursing Practice*. 19: 462–470. <https://doi.org/https://doi.org/10.1111/ijn.12088>
- Nora Ahmad @ Aziz, A’Adawiyah Ismail, & Salasiah Hanim Hamjiah. (2017). Kepentingan Kerohanian dalam Menangani Pesakit Kanser Wanita Menurut Islam UKM. *Al-Hikmah*, 9(2): 41–56.
- Nubli, M., & Wahab, A. (2015). The Study on the Effect of Zikir Protocols Training towards Performance of Heart Rate Variability (HRV) and Academic Achievement among Secondary Schools Students. In *International Journal of Computer Applications*, 117(1): 18–22.
- Prayitno, S. H. (2015). *Doa dan Dzikir sebagai Metode Menurunkan Depresi Penderita dengan Penyakit Kronis*. Conference on Psikologi & Kemanusiaan (Physicology and Humanity). Psychology Forum UMM, pp. 354–358.
- Rini Ernawati, Pipit Feriyanji, & Niken Agus Tianingrum. (2020). The Effectiveness of Qur'an Recitation Therapy and Aromatherapy on Cancer Patients' Stress Level in Abdul Wahab Sjahranie Hospital Samarinda, Indonesia. *UMKT*. 16 (3): 47–51. <https://dspace.umkt.ac.id/handle/463.2017/3043>
- Schlatter, Tania, & Levinson, Deborah. (2013). *Visual Usability: Principles and Practices for Designing Digital Applications*. Morgan Kaufmann
- Unit Pendidikan Kesihatan. (2024, March 8). Pencapaian & Statistik : Jumlah Unit Kemasukan Pesakit. Institut Kanser Negara. <https://nci.moh.gov.my/index.php/ms/main-menu-2>
- Yan, B., Xu, X., Cheung, D. S. T., & Lin, C. C. (2020). Spiritual and religious interventions for adults with cancer and their carers: an overview of systematic reviews. *Cochrane Database of Systematic Reviews*, 2020 (7): 115–122. <https://doi.org/10.1002/14651858.CD013675>